

Boston One Step Liquid Enzymatic Cleaner /Cecair Pembersih Berenzim Satu Langkah Boston

Dirumus khas untuk Kanta Lepak Tegar Telap Gas Fluoro Silikon Akrilat dan Silikon Akrilat

Menggunakan **Cecair Pembersih Berenzim Satu Langkah Bausch + Lomb Boston™** ialah cara yang ringkas dan mudah untuk menghilangkan mendapan protein dengan berkesan pada kanta lekap tegar telap gas secara mingguan. Pembersih berenzim yang jernih dan tidak berbau ini bertindak sambil mendisinfeksi, hanya di dalam bekas kanta lekap. Ia menggantikan tablet berenzim dan tidak lagi memerlukan bekas yang berasingan. Gunakan bersama mana-mana Larutan Perapi Boston ADVANCE™.

ARAHAN (PENGGUNAAN SECARA MINGGUAN):

1. Selepas pembersihan (menggunakan Pembersih Boston ADVANCE™) dan bilasan harian, letakkan kanta lekap di dalam bekas kanta lekap dan isikan Larutan Perapi Boston ADVANCE baharu sehingga penuh. **Bekas kanta lekap perlu diisi dengan larutan baharu sehingga penuh bagi memastikan pencairan Cecair Pembersih Berenzim Satu Langkah Boston yang betul dan mengurangkan apa-apa risiko kerengsaan.**
2. Letakkan dua (2) titis Cecair Pembersih Berenzim Satu Langkah Boston ke dalam setiap kanta lekap. **Rendam kanta lekap sekurang-kurangnya selama empat (4) jam** (atau semalaman) sebelum memakainya untuk memastikan pembersihan dan disinfeksi yang sempurna. Sentiasa pakai larutan baharu untuk merendam dan menyimpan kanta lekap.
3. Selepas mengeluarkan kanta lekap daripada bekas, gosok dan bilas kanta lekap selama kira-kira lima (5) saat dengan Larutan Perapi Boston ADVANCE untuk memastikan tiada lagi pembersih berenzim pada kanta lekap. **JANGAN GUNAKAN AIR PAIP UNTUK BILASAN TERAKHIR INI.**
4. Gunakan larutan perapi baharu untuk membasahkan kanta lekap bagi perlindungan tambahan jika perlu dan kini anda boleh memakainya.
5. **Segera buang larutan daripada bekas kanta lekap** dan bersihkan bahagian dalam bekas kanta lekap dengan teliti menggunakan air panas. Biarkan ia kering selepas setiap kali digunakan.
6. Patuhi sepenuhnya amaran dan langkah berjaga-jaga yang dinyatakan pada risalah ini.

PENTING: Sila baca dengan teliti dan simpan maklumat ini untuk kegunaan masa hadapan.

GAMBARAN: Larutan akues steril yang mengandungi enzim proteolitik 1% (subtilisin) sebagai ramuan aktif dan gliserol. Tanpa pengawet.

TINDAKAN: Pembersih ini mengurangkan lekatan dan membantu menghilangkan mendapan protein yang boleh menjejaskan keselesaan semasa memakai kanta lekap.

INDIKASI: Cecair Pembersih Berenzim Satu Langkah Boston disediakan untuk pembersihan berenzim bagi kanta lekap tegar telap gas fluoro silikon akrilat dan silikon akrilat secara mingguan semasa perapian (pembasahan, perendaman dan disinfeksi) dengan Larutan Perapi Boston ADVANCE.

KONTRAINDIKASI: Jangan gunakan larutan ini jika anda alah kepada mana-mana ramuan dalam produk ini. **Bukan Untuk Digunakan Dengan Kanta Lepak Lembut (Hidrofilik).**

AMARAN: Jangan gunakan secara terus pada mata. **Larutan ini berpotensi menyebabkan kerengsaan jika disalah guna. Kemerahan atau simptom kerengsaan boleh berlaku jika kanta lekap dipakai secara tidak sengaja tanpa membilas pembersih berenzim sebersih-bersihnya. Jika berlaku, segera tanggalkan kanta lekap dan bilas mata anda dengan air bersih yang sejuk sehingga tiada lagi pembersih berenzim pada mata. Jika masalah berterusan, hubungi pakar penjagaan mata anda.**

Untuk mengelakkan pencemaran, jangan sentuh hujung penitis bekas dengan tangan anda atau mana-mana permukaan. Pastikan botol tertutup rapat ketika tidak digunakan. Jika tidak dikendalikan dengan betul, kanta lekap dan larutan boleh dicemari bakteria yang diketahui menyebabkan jangkitan okulus. Kerosakan mata yang serius dan hilang penglihatan boleh berlaku akibat menggunakan larutan yang tercemar atau memakai kanta lekap yang rosak.

MASALAH KANTA LEKAP DAN PRODUK PENJAGAAN KANTA LEKAP BOLEH MENYEBABKAN KECEDERAAN SERIUS PADA MATA. Anda perlu mematuhi arahan pakar penjagaan mata dan semua arahan pada label tentang penggunaan kanta lekap dan produk penjagaan kanta lekap yang betul.

MASALAH MATA TERMASUK ULSER KORNEA, BOLEH TERBENTUK DENGAN CEPAT DAN BOLEH MENYEBABKAN HILANG PENGLIHATAN. OLEH ITU, JIKA MATA ANDA TIDAK SELESA, PENGELUARAN AIR MATA YANG BERLEBIHAN, PERUBAHAN PADA PENGLIHATAN ATAU KEMERAHAN PADA MATA, SERTA-MERTA TANGGALKAN KANTA LEKAP ANDA DAN HUBUNGI PAKAR PENJAGAAN MATA ANDA DENGAN SEGERA.

LANGKAH BERJAGA-JAGA: Untuk memastikan kebersihan dan pengendalian kanta lekap dan larutan kanta lekap yang betul, sentiasa patuhi arahan pada label sepenuhnya.

- Bukan untuk digunakan terus pada mata.
- **Sentiasa gunakan Larutan Perapi Boston ADVANCE dan Cecair Pembersih Berenzim Satu Langkah Boston yang baharu untuk pembersihan dan disinfeksi kanta lekap.**
- **JANGAN RENDAM KANTA LEKAP DALAM CECAIR PEMBERSIH BERENZIM SATU LANGKAH BOSTON SAHAJA.**
- Gunakan larutan sebelum tarikh luput pada bekas.
- Selepas memakai kanta lekap, sentiasa bersihkan bahagian dalam bekas kanta lekap dengan teliti menggunakan air panas dan dibiarkan kering selepas setiap kali digunakan.
- Sentiasa basuh tangan anda sebelum mengendalikan kanta lekap.
- Simpan di bawah suhu 25°C.
- **JANGAN TITISKAN LEBIH DARIPADA DUA (2) TITIS CECAIR PEMBERSIH BERENZIM SATU LANGKAH BOSTON KE DALAM SETIAP RUANG KANTA LEKAP.**
- SENTIASA GOSOK DAN BILAS KANTA LEKAP SEBERSIH-BERSIHNYA DENGAN LARUTAN PERAPI SEBELUM MEMAKAINYA.
- Amaran: Bukan untuk dimakan.
- **JAUHKAN PRODUK DARIPADA KANAK-KANAK.**
- BUANG LARUTAN YANG TIDAK DIGUNAKAN SELEPAS 6 BULAN DIBUKA.

KESAN MEMUDARATKAN: Masalah berikut boleh berlaku:

- Mata pedih, rasa terbakar, gatal (kerengsaan)
- Pengeluaran air mata yang berlebihan
- Rembesan mata yang luar biasa
- Mata merah
- Ketajaman penglihatan yang berkurang (kualiti penglihatan)
- Penglihatan kabur
- Sensitif terhadap cahaya (fotofobia)
- Kekeringan pada mata

Jika anda dapati mana-mana keadaan di atas berlaku, segera tanggalkan dan periksa kanta lekap. Jika masalah berhenti dan kanta lekap tidak rosak, bersihkan, bilas dan disinfeksi kanta lekap dengan teliti dan pakai semula. Jika masalah berterusan atau jika kanta lekap rosak, JANGAN PAKAI SEMULA. Segera hubungi pakar penjagaan mata anda. Jika wujud mana-mana masalah di atas, keadaan yang serius seperti jangkitan, ulser kornea, neopemvaskularan atau iritis mungkin berlaku. Segera dapatkan pengesahan pakar tentang masalah tersebut dan rawatan untuk mengelakkan kerosakan mata yang serius.

Bekas Kanta Lekap Boston™

Untuk penyimpanan kanta lekap fluoro silikon akrilat dan silikon akrilat semasa disinfeksi kimia, dan pembersihan berenzim/disinfeksi kimia serentak sahaja. **JANGAN GUNAKAN BEKAS YANG BERTUTUP DENGAN HABA.**

Sebelum mula digunakan, bersihkan penutup dan ruang dalam bekas kanta lekap dengan pembersih kanta lekap surfaktan (seperti Pembersih Boston ADVANCE). Bilas dengan air panas dan biarkan kering. **JANGAN GUNAKAN SABUN, DETERGEN ATAU PEMBERSIH RUMAH LAIN.**

Cara produk dibekalkan: Cecair Pembersih Berenzim Satu Langkah Boston dibekalkan secara steril di dalam botol 0.17 Fl. Oz. (5mL). Semua Larutan Boston™ runcit dibungkus di dalam kotak. Botol dikedap dengan jalur bercetak dan ditandakan dengan nombor lot dan tarikh luput. **Jangan gunakan produk jika jalur yang bercetak pada botol rosak atau hilang.**

®/™ ialah tanda dagangan Bausch & Lomb Incorporated atau sekutunya.

© Bausch & Lomb Incorporated

Dikilangkan oleh: Bausch & Lomb Incorporated, 8507 Pelham road Greenville, SC 29615-9578, USA